

Inovasi pengajaran & pemudahcaraan menggunakan Aplikasi Ezi-Maq (MAHARAT AL-QURAN) untuk menarik minat pelajar menguasai Ilmu Tajwid

***Mohd Norhafiz Omar**

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Arau,
Tahfiz Model Ulul Albab, Arau, Perlis, Malaysia

*Correspondent Email: g-77058281@moe-dl.edu.my

Published: 15 September 2022

To cite this article (APA): Omar, M. N. (2022). Inovasi pengajaran & pemudahcaraan menggunakan Aplikasi Ezi-Maq (MAHARAT AL-QURAN) untuk menarik minat pelajar menguasai Ilmu Tajwid. *Firdaus Journal*, 2(2), 79–87. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.2.8.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol2.2.8.2022>

ABSTRAK

Kajian ini akan membincangkan penggunaan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid menggunakan aplikasi Ezi-Maq bagi subjek Maharat al-Quran yang melibatkan tajwid asas seperti hukum nun sakinah dan tanwin (hukum lima), hukum mudud (mad) bagi tingkatan 1 hingga 3 sehinggalah bidang qiraat bagi pelajar tingkatan 4 & 5 Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Secara umumnya Ezi-Maq merupakan aplikasi yang dibina menggunakan aplikasi Kodular. Aplikasi Ezi- Maq ini dibina berdasarkan model Addie untuk meningkatkan kaedah pengajaran & pembelajaran Maharat al-quran berdasarkan pengajaran teori Al-Qabisi (1955) yang merupakan salah seorang sarjana islam. Seramai 3 orang pelajar dipilih secara rawak bertujuan untuk diuji keberkesanan penggunaan aplikasi ini. Hasil daripada kajian yang dijalankan menunjukkan aplikasi Ezi-Maq ini telah dapat mempercepatkan proses pengajaran dan pembelajaran berkaitan dengan nun sakinah dan tanwin (hukum lima), hukum mad serta qiraat. Aplikasi ini juga juga mampu membantu pelajar memahami, mengingat dan menguasai semua hukum nun sakinah, mim sakinah serta mad dengan mudah dan pantas. Hasil daripada kajian ini menyumbang kepada peningkatan kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid agar menjadi satu ilmu yang mudah untuk dikuasai oleh pelajar dan secara tidak langsung dapat membantu memperbetulkan bacaan al-Quran dengan bertajwid.

Kata kunci: *Ezi-Maq, Nun sakinah, Mim sakinah, Mudud, Qiraat*

PENGENALAN

Saya mendapati kebanyakan para pelajar dalam *halaqah* (kumpulan) saya bermasalah untuk mengenalpasti hukum tajwid asas di dalam al-Quran setiap hari dan lambat mengingat ayat alQuran yang dihafaz. Hal ini dapat dibuktikan daripada

analisis yang dibuat daripada Peperiksaan Pertengahan Tahun (PPT) lepas. Pelajar tidak dapat menjawab soalan yang dikemukakan di dalam kertas ujian berkaitan hukum tajwid asas walaupun sudah berada di tingkatan 3. Menerusi pengamatan saya, saya mendapati para pelajar masih keliru antara hukum nun sakinah dan mim sakinah. Berdasarkan hasil analisis markah lima orang peserta kajian dalam penilaian sebelum tindakan mendapat markah yang rendah di antara 20% ke 30% daripada markah keseluruhan dalam ujian tajwid.

Menurut Rahman (2013), guru sebagai pemimpin dalam pendidikan berfungsi untuk mengurus dan menjaga dalam memastikan matlamat yang hendak dicapai dalam bilik darjah. Sehubungan dengan itu, saya sebagai guru dan pemimpin dalam pendidikan berasa bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah yang telah dikenalpasti. Pendidik juga merupakan pengelola yang berhak menentukan kurikulum dan metod yang sesuai dengan matlamat yang ingin dicapai (Muslim, 2016). Oleh yang demikian, saya bercadang untuk membantu pelajar *halaqah* memahami sebaiknya hukum tajwid asas dengan menggunakan aplikasi yang dibina ini. Aplikasi ini juga boleh dimuat turun ke dalam telefon bimbit masing-masing. Dengan ini, saya menjalankan kajian tindakan dengan mempraktikkan “Inovasi Pengajaran & Pemudahcaraan Menggunakan Aplikasi Ezi-Maq (Maharat al-Quran) Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid”.

Menurut Ackroyd dan Hughs (1992), seseorang penyelidik perlu mengemukakan bentuk soalan yang relevan dengan fokus kajian. Bagi kajian tindakan ini, saya akan memberi fokus terhadap kaedah Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) bagi mata pelajaran Maharat al-Quran tingkatan 2. Semasa sesi PdPc, saya mendapati bahawa pelajar susah mengingat dan membezakan hukum nun dan mim sakinah sehingga tertukar antara keduanya. Keputusan penilaian di akhir pembelajaran juga memberi kepastian kepada saya berkenaan masalah tersebut. Penggunaan buku teks seperti biasa iaitu sekadar membaca semasa PdPc didapati kurang membantu dalam menyelesaikan masalah tersebut memandangkan ianya berkait dengan masalah kenalpasti yang akhirnya memberi kesan terhadap tahap penguasaan tajwid pelajar.

Sebagai seorang pendidik, saya menyedari tindakan sewajarnya perlu diambil untuk menangani isu penguasaan pelajar ini. Ramzi (1994), menyimpulkan bahawa pendekatan AlGhazali yang menekankan penggunaan teknik pengajaran yang baik memberikan natijahnatijah baik yang membantu meningkatkan tempoh pengajaran dalam ingatan pelajar. Justeru, kajian ini bertujuan untuk membantu meningkatkan penguasaan dan minat pelajar dalam hukum tajwid dalam suasana menyeronokkan disamping adanya permainan yang menarik serta mudah dicapai. Adapun kajian ini focus kepada dua perakara berikut: i) membantu meningkatkan minat pelajar dalam menggunakan aplikasi EziMaq semasa pengajaran & pemudahcaraan maharat al-Quran sedang berlangsung; membantu meningkatkan penguasaan pelajar dalam hukum tajwid semasa pengajaran & pemudahcaraan maharat al-Quran sedang berlangsung.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan ke atas tiga orang pelajar *halaqah* saya. Pelajar ini dipilih untuk kajian ini berdasarkan pemerhatian dan penilaian selepas akhir kajian. Secara lebih terperinci, Jadual 1 menyenaraikan ciri-ciri dan latar belakang peserta kajian ini.

Jadual 1: Ciri-Ciri Peserta Kajian

Peserta	Jantina	Ciri-ciri
Pelajar A	Lelaki	1. Seorang pelajar cemerlang dalam subjek Maharat al- Quran tetapi sering mengantuk semasa PdPc
Pelajar B	Lelaki	1. Seorang pelajar sederhana dalam subjek Maharat al-Quran
Pelajar C	Lelaki	1. Seorang pelajar lemah dalam subjek Maharat al-Quran tetapi sering memberi perhatian kepada PdPc

Kajian ini dijalankan dengan melaksanakan lima langkah mengikut hari yang telah ditetapkan. Jadual 2 menunjukkan langkah-langkah penggunaan aplikasi Ezi-Maq kepada ketiga-tiga orang pelajar tersebut:




Jadual 2: Langkah pelaksanaan aplikasi Ezi-Maq

Hari	Langkah	Pelaksanaan
Hari 1	Langkah 1	Pelajar dikehendaki membaca buku teks fizikal menggunakan kaedah seperti biasa. Kemudian, lembaran set lembaran kerja diserahkan kepada peserta kajian dan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.
	Langkah 2	Mengedarkan borang maklum balas kepada para pelajar.
	Langkah 3	Membuat refleksi di akhir sesi PdPc
Hari 2	Langkah 1	Mengedarkan borang kebenaran untuk menjalankan kajian dan menerangkan tujuan melaksanakan kajian ke atas mereka.
	Langkah 2	Memperkenalkan aplikasi Ezi-Maq
	Langkah 3	Membimbing pelajar cara menggunakan aplikasi Ezi-Maq dengan cara yang betul
	Langkah 4	Menerangkan butang-butang yang terdapat dalam aplikasi Ezi-Maq
	Langkah 5	Membuat refleksi di akhir intervensi
Hari 3	Langkah 1	Memperkenalkan nota-nota tambahan yang terdapat di dalam kepada peserta kajian. *kaedah penerangan

Inovasi pengajaran & pemudahcaraan menggunakan Aplikasi Ezi-Maq (MAHARAT AL-QURAN) untuk menarik minat pelajar menguasai Ilmu Tajwid

	Langkah 2	Mengarahkan pelajar membuka butang kuiz dan memberi kuiz secara dalam talian
	Langkah 3	Mengarahkan pelajar mengaplikasi nota-nota yang telah dibaca dengan kuiz yang disediakan
	Langkah 4	Menggabungkan kaedah kuiz untuk memudahkan pelajar mengingat nota-nota yang telah dibaca daripada Ezi-Maq
Hari 4	Langkah 1	Menyerahkan set soalan ujian akhir kepada pelajar dan mengarahkan mereka menjawabnya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
	Langkah 2	Membuat rumusan terhadap hasil ujian akhir semasa sesi refleksi.

Dalam membantu pelajar mengingat pelajaran tajwid di dalam aplikasi Ezi-Maq ini, saya telah membuat koleksi nota yang merangkumi semua pelajaran di setiap tingkatan. Berikut merupakan muka hadapan aplikasi yang telah dibina menggunakan aplikasi percuma *Kodular*. Rajah 1: Muka hadapan dan paparan muka aplikasi.



Inovasi pengajaran & pemudahcaraan menggunakan Aplikasi Ezi-Maq (MAHARAT AL-QURAN) untuk menarik minat pelajar menguasai Ilmu Tajwid



Rajah 2: Koleksi nota dalam Ezi-Maq



المثال

الإظهار الشفوي

:) كُنْتُمْ تَزْعُمُونَ	
عَلَيْكُمْ شُهُودًا	3

الإخفاء الشفوي

أَجَلْتُمْ لَكُمْ بِهَيْمَةِ الْأَنْعَمِ
فَأَهْلَكْتَهُمْ بِذُنُوبِهِمْ

الإدغام الشفوي

إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ
وَكَمْ مِنْ قَرْيَةٍ

الإدغام الشفوي أسماء متنوعة:

- إدغام صغير
- إدغام مثلين
- إدغام مثلين شفوي
- إدغام منم التين صغير

إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

وَكَمْ مِنْ قَرْيَةٍ

٩. المد اللين (الواو (السَّوِيّ) الياء (البَيْتِ))

التعريف

أن يأتي بعد حرف اللين حرف ساكن عارض من أجل الوقف .

سبب التسمية

لأن حروفه يخرج من الفم في لين من غير كلفة على اللسان .

الحكم

جواز مدّه وقصره عند جميع القراء .

المقدار

حركتان أو أربع حركات أو ست حركات .

٨. المد العارض للسكون

المقدار	الحكم	سبب التسمية	التعريف
حركتان أو أربع حركات أو ست حركات .	جواز مدّه وقصره عند جميع القراء .	لكون السكون عارضا لأجل الوقف .	أن يأتي بعد حرف المد الطبيعي حرف ساكن عارض من أجل الوقف .

١. الألف (وَلَاتِ جِيْنَ مَنَاجِيْ)
٢. الواو (وَلَا تَسْلُ عَمَّا تَعْمَلُونَ)
٣. الياء (وَالْقُرْآنَ الْحَكِيمِ)


Sewaktu mengajar menggunakan kaedah manual iaitu penggunaan buku teks, pelajar kerap kali dalam keadaan mengantuk yang menyukarkan untuk memberi sepenuh perhatian kepada PdPc yang sedang dijalankan. Tetapi selepas menggunakan aplikasi Ezi-Maq ini penumpuan pelajar kepadanya meningkat secara mendadak dan memberangsangkan.

Pada hari terakhir, peserta kajian diedarkan dengan set soalan ujian akhir. Menurut Mohd (1994), menyimpulkan bahawa pendekatan Al-Ghazali yang juga turut menitikberatkan penilaian dalam pendidikan dengan membahagikan penilaian kepada tiga bahagian iaitu penilaian harian atau mingguan, penilaian pada peringkat akhir dan penilaian tingkah laku para pelajar adalah bertepatan dengan sistem pendidikan pada zaman ini. Pelaksanaan penilaian tersebut memberi manfaat yang sangat besar bukan sahaja terhadap pelajar malah terhadap guru untuk menambahbaik amalan pengajaran.

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan aplikasi Ezi-Maq berjaya membantu meningkatkan penguasaan pelajar dalam PdPc Maharat al-Quran dengan cemerlang. Dapatan kajian menunjukkan kaedah ini menekankan pendekatan kefahaman melalui nota santai serta permainan Quizizz yang merangkumi ilustrasi gambar untuk menghafaz pelajaran Maharat al-Quran dan dapat membantu pelajar *murajaah* (mengulang) dengan cepat serta lancar.

Rajah 3: Permainan interaktif Quizizz yang terdapat di dalam Ezi-Maq



Bagi membuktikannya, saya juga telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu melalui analisis dokumen dan borang maklum balas. Jadual 4 menunjukkan analisis kekerapan respon peserta kajian yang dicatatkan dalam catatan nota lapangan sepanjang PdPc Maharat al-Quran sebelum dan selepas tindakan dijalankan.

Jadual 4: Analisis peratusan markah murid sebelum dan selepas aplikasi Ezi-Maq digunakan

Pelajar Kajian	Sebelum	Semasa	Selepas	Peratusan Peningkatan Markah (%)
A	30	50	100	70
B	20	40	100	80
C	20	60	100	80

Jadual 4 menunjukkan berlaku peningkatan prestasi skor markah pelajar bermula daripada awal kajian dijalankan sehingga akhir kajian. Peratusan terendah markah dapat dilihat dalam lembaran kerja yang diedarkan sebelum tindakan dimana pelajar A mendapat peratusan markah 30% manakala pelajar B dan C pula sebanyak 20%. Secara keseluruhannya, kesemua peserta kajian didapati masih berada di aras yang rendah dalam skala gred akademik yang digunakan dalam kajian ini iaitu pada tahap lemah dan memuaskan.

Namun demikian, hasil pelaksanaan penggunaan aplikasi Ezi-Maq, kesemua peserta kajian berjaya mendapat markah 100% dalam ujian selepas tindakan dijalankan dengan peningkatan markah sebanyak 80% bagi dua orang peserta kajian dan 70% bagi dua peserta kajian yang lain. Purata peratusan peningkatan markah pelajar adalah sebanyak 75%. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa aplikasi Ezi-Maq dapat membantu dalam meningkatkan penguasaan pelajar dalam PdPc Maharat al-Quran.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian Penyelidikan Tindakan ini telah berjaya memberi impak yang positif dapat dilihat dalam kalangan peserta kajian dimana penggunaan aplikasi interaktif Ezi-Maq yang digunakan dapat mengubah tanggapan pelajar terhadap pembelajaran dalam bidang al-Quran yang sering kali dianggap sukar dan membosankan. Selepas tindakan dijalankan, perubahan tanggapan dapat dilihat apabila pelajar sangat berminat untuk meneruskan bidang kemahiran al-Quran di sekolah. Untuk tindakan susulan, saya merancang untuk memantapkan dan memperkemaskan lagi penggunaan aplikasi ini dengan menjadikan ianya sebagai aplikasi mudah alih sewaktu PdPc Maharat al-Quran. Penggunaan hasil pelaksanaan budaya tersebut sudah pasti dapat memantapkan lagi penguasaan pelajar dalam kemahiran al-Quran seperti tajwid dan slain-lain selepasnya yang menggabungkan pelbagai kaedah pengajaran yang bersesuaian.

Inovasi pengajaran & pemudahcaraan menggunakan Aplikasi Ezi-Maq (MAHARAT AL-QURAN) untuk menarik minat pelajar menguasai Ilmu Tajwid

RUJUKAN

- Ackroyd, S. & Hughs, J. (1992). *Data collection in context*. 2nd Edition. Harlow :Logman.
- Mat, E. (2010). *Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ): kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesanannya di sekolah-sekolah menengah (SMK) di daerah Gombak, Selangor* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Mohd. Ramzi Omar. (1994). *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun dan AlQabisi*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslim (2016). Konfigurasi pemikiran al-Qabisi tentang pendidikan Islam. *POTENSIA: Jurnal Kependidikan Islam*, 2(2), 199-211
- Rahman Afandi. (2013). Kepimpinan dalam Pendidikan Islam. *INSANIA*, 18(1), 95-116.